



SIARAN AKHBAR

Diterbitkan Oleh Jabatan Penerangan Malaysia

Embargo: 10 malam, Selasa, 15hb Mei 1984.

5/84/25(PM)

*check against
delivery*

(P)

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI

DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

DI MAJLIS PEMBUKAAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN

PERINGKAT KEBANGSAAN, DI STADIUM KUBU, MELAKA

PADA HARI SELASA, 15HB MEI 1984,

BERSAMAAN 14 SYAABAN 1404

PUKUL 8.30 MALAM

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan kurniaNya Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun ini dapat diadakan sebagaimana tahun-tahun sebelumnya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur kerana menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua-kata dan seterusnya untuk merasmikan Musabaqah ini.

2. Saya sangat tertarik dengan tema Musabaqah Membaca Al-Quran tahun ini, iaitu 'Berilmu, Berusaha Tuntutan Al-Quran'. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ilmu pengetahuan memainkan peranan yang utama dalam membentuk peribadi seseorang. Ilmu pengetahuan menjadi pengukur yang penting di dalam menilai kualiti seseorang. Orang yang berilmu akan memberi manfaat bukan sahaja kepada dirinya

sendiri, tetapi juga kepada orang lain. Lantaran itu memanglah kena pada tempatnya jika orang yang berilmu itu mendapat tempat yang terhormat dan dipandang mulia oleh masyarakatnya.

3. Sejarah telah membuktikan bahawa orang-orang yang berjasa dalam tamadun kemanusiaan, adalah mereka yang berilmu pengetahuan yang tinggi dan berusaha untuk beramal dengan ilmu tersebut. Nama-nama seperti Ibn Farabi, Ibn Taimiyah dan Imam Ghazali adalah sebahagian kecil daripada tokoh-tokoh dalam tamadun Islam yang boleh dijadikan bukti. Sebenarnya banyak contoh yang hampir dengan kita yang dapat dilihat, direnung dan difikirkan untuk dijadikan pengajaran. Sesuatu kejayaan, kebaikan dan keselesaan hanya dapat dicapai melalui persiapan ilmu yang lengkap dan sempurna. Sesungguhnya keperluan terhadap ilmu tidak sama sekali dibatasi oleh sempadan geografi, bangsa atau warna kulit. Sebab itu kita dapat melihat semua bangsa di dunia ini terus berlumba-lumba untuk mencari ilmu, kerana mereka tahu bahawa tanpa ilmu pengetahuan, masa depan mereka akan tercabar. Semangat inilah yang mesti ada pada umat Islam, lebih-lebih lagi di zaman yang serba mencabar seperti sekarang. Baik-buruk dan maju-mundur umat Islam adalah terserah kepada umat Islam sendiri, kerana Allah Subhanahu Wataala tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa kecuali bangsa itu sendiri yang mengubahnya.

4. Menuntut ilmu pengetahuan merupakan satu tugas utama kepada manusia. Dengan ilmu pengetahuan, manusia akan dapat membezakan yang baik dengan yang buruk, yang berfaedah dengan yang tidak. Malahan peranan ilmu pengetahuan dalam kehidupan manusia lebih jauh dari itu. Orang yang berilmu pengetahuan akan dapat mengatur segala perancangan dan program-program dalam kehidupan sehariannya dengan tersusun, kemas dan praktik. Orang yang mementingkan ilmu pengetahuan tidak akan jemu dan bosan untuk mempelajari apa sahaja ilmu pengetahuan yang boleh memberi manfaat kepada diri dan juga masyarakatnya. Lantaran itu, mereka tidak akan mensia-siakan masa begitu sahaja tanpa memberi apa-apa faedah.

5. Islam sebagai agama yang sempurna dan lengkap yang berpandukan kepada ajaran Al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. amat menitikberatkan terhadap ilmu pengetahuan. Menuntut ilmu pengetahuan merupakan satu kewajipan bagi setiap orang Islam. Demikianlah pentingnya ilmu pengetahuan dalam Islam sehingga wahyu yang pertama yang diturunkan kepada Nabi Besar Muhammad s.a.w. ialah "Iqraa'" iaitu "Baca". Pada ketika itu belum ada Al-Quran yang hendak dibacakan. Yang ada ialah buku-buku ilmu yang lain.

6. Lantaran itu, apabila tabiat suka membaca dan menulis itu menjiwai diri seseorang, maka ia akan memperolehi banyak pengetahuan, yang mana ini boleh menjadi panduan kepadanya dan kepada masyarakatnya. Lebih banyak pengetahuan yang

diperolehi, lebih banyaklah manfaat yang akan didapati. Sudah tentu masyarakat yang mempunyai lebih ramai orang yang terpelajar dan berpengetahuan, maka lebih maju dan bahagialah masyarakat itu. Sebaliknya jika masyarakat itu mundur, maka bilangan orang yang terpelajar tentulah berkurangan. Dan masyarakat Islam yang mundur menjadi demikian kerana mereka tidak berpegang kuat kepada kehendak agama Islam supaya lebih membaca - iaitu lebih mengejar pengetahuan yang bermanfaat.

7. Suruhan dan tuntutan di sini bukanlah bererti sebarang buku dan apa sahaja ilmu perlu dipelajari. "Knowledge for the sake of knowledge" atau "Mengejar ilmu kerana ilmu" bukanlah slogan yang secucuk dengan agama Islam. Pengetahuan yang dituntut oleh Islam ialah yang boleh membawa kepada kebaikan ataupun yang boleh memberi perlindungan kepada orang Islam. Di samping ilmu yang ada kaitan secara langsung dengan keimanan dan amal-ibadat, orang Islam perlu juga mempelajari ilmu yang boleh memberi manfaat kepada kehidupan mereka. Al-Quran menuntut supaya kita perhatikan langit dan bumi dan haiwan yang dijadikan oleh Tuhan. Kerana perhatian ke langitlah yang orang Islam boleh belayar menyeberangi lautan dan mengembangkan Islam. Tanpa kebolehan ini maka Islam akan terhad kepada Semenanjung Arab sahaja, dan orang Melayu akan kekal dengan kejahilan mereka. Bintang di langit tidak menambah pengetahuan agama, tetapi kerana bintang di langit, Islam berkembang dengan luasnya. Begitu juga kerana gelombang

radio, ajaran agama dapat disampaikan kepada tiap-tiap rumah orang Islam setiap hari, walaupun berjauhan dari pemsyarah agama. Pengetahuan tentang bintang di langit dan gelombang radio di angkasa adalah penting dan secara tidak langsung dituntut oleh agama.

8. Dari sini jelas bahawa tuntutan Islam dalam mempelajari dan menuntut ilmu pengetahuan itu, bukanlah setakat ilmu-ilmu yang membicarakan masalah-masalah berhubung dengan iman dan amal-ibadat, atau halal-haram dan sah-batal semata-mata. Ilmu-ilmu lain yang penting untuk kesejahteraan manusia juga dituntut oleh Islam. Di samping itu, harus kita ingat bahawa walaupun ada ilmu yang boleh mendatangkan keburukan, ini bukanlah disebabkan oleh ilmu itu sendiri. Keburukan ilmu itu datang dari penyalahgunaannya. Sepertimana sebilah pisau boleh mengukir patung dari kayu, pisau yang sama boleh juga mengukir khalimah "Lailaha Illallah, Muhammad Rasulullah". Yang salah bukannya pisau tetapi pengukir yang mengukir patung. Yang melakukan kebaikan juga pengukir, bukannya pisau. Begitu juga dengan ilmu pengetahuan.

9. Menuntut ilmu pengetahuan, selain dari memberi faedah yang dapat dilihat semasa hidup di dunia ini, juga dijamin oleh Allah Subhanahu Wataala dengan beberapa ganjaran di akhirat. Rasulullah s.a.w bersabda: "Siapa yang keluar kerana menuntut ilmu akan mendapat pahala seperti pahala orang yang berjuang pada jalan Allah sehingga ia kembali".

10. Terdapat beberapa kelebihan bagi orang yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi. Orang yang berilmu biasanya berfikiran lebih maju dan rasional. Ia dapat mengatasi masalah dengan lebih mudah. Sudah tentu ia dapat memberi pertolongan yang lebih wajar dan berkesan kepada masyarakatnya. Dengan demikian, bukan sahaja ia hidup lebih bahagia tetapi masyarakat juga dapat menumpang berlindung dengan pengetahuannya.

11. Ilmu mempunyai kaitan yang rapat dengan usaha. Usaha tanpa ilmu tidak akan membuahkan hasil yang baik dan kadangkala boleh membahayakan diri sendiri. Demikianlah juga ilmu tanpa usaha, ia akan jadi beku dan tidak berfaedah. Pepatah Arab mengatakan bahawa: "ilmu tanpa usaha, gila; dan berusaha tanpa ilmu bererti sia-sia". Kedudukan berusaha dalam Islam adalah sama dengan nilai ilmu pengetahuan, selagi seseorang itu berkemampuan untuk melakukannya. Islam sangat menyanjung umatnya yang rajin bekerja seperti sabda Rasulullah s.a.w bahawa: "sesungguhnya Allah itu cinta kepada orang mukmin yang bekerja (iaitu tidak menganggur)".

12. Berusaha untuk menyara kehidupan yang sempurna adalah perkara yang diwajibkan oleh Al-Quran bagi seseorang orang Islam. Surah Al-Jumu'ah, Ayat 10 menyatakan: "kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertaburanlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta

ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)".

13. Ayat yang ringkas ini memberi pengertian kepada kita bahawa Islam tidak menyuruh kita sembahyang sehingga tidak berhenti untuk mencari rezeki dari kurnian Tuhan. Sebaliknya selepas sembahyang Jumaat pun, kita disuruh pergi ke sana-sini untuk mendapatkan kurniaan Tuhan - iaitu hasil kerja yang halal.

14. Dalam Islam masa ditentukan untuk ibadat-ibadat yang wajib. Penentuan ibadat kepada yang wajib dan yang sunat, serta penentuan masa bagi yang diwajibkan, tentulah kerana Islam mahu penganutnya mendapat masa yang lapang untuk urusan lain, seperti mencari nafkah. Jika tugas dan kerja kita bercanggah dengan kegiatan keagamaan, seperti mendengar syarahan atau zikir dan wirid yang berpanjangan, sebabnya bukanlah kerana agama Islam menjadi halangan kepada tugas kita, tetapi kerana kita sengaja ingin menjadikan ibadat sebagai alasan untuk kita mengelak dari menjalankan tugas atau bekerja. Sebenarnya ibadat yang diwajibkan oleh Islam adalah begitu mudah dan singkat, dan mempunyai beberapa kelonggaran. Dengan itu, tidak ada sebab kenapa ibadat boleh menghalang kerja atau kerja menghalang ibadat. Jikalau ada pertembungan antara ibadat yang wajib dengan kerja kita, maka ini adalah perbuatan kita sendiri. Islam tidak boleh disalahkan jika orang Islam ketinggalan dalam menuntut ilmu atau mencari nafkah.

15. Penjelasan ajaran Al-Quran mengenai ilmu pengetahuan dan berusaha adalah berhubung rapat dalam menentukan taraf kehidupan manusia di dunia ini, dan seorang Islam yang beriman mestilah yakin bahawa kehidupan di dunia ini bukan berakhir dengan kematian, malahan akan dibangkitkan semula dengan satu kehidupan yang abadi. Maka sudah semestinyalah kita umat Islam, di samping beribadat dan selalu mengingati Allah, melengkapkan diri dengan berbagai ilmu pengetahuan, dan berusaha memajukan diri kita sepanjang masa. Kehidupan dan kesenangan dunia hendaklah dijadikan jambatan untuk mencapai kebahagiaan di akhirat. Ingatlah kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran.

16. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Melaka yang telah menganjurkan Musabaqah membaca Al-Quran pada tahun ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musabaqah, Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Kamaruddin, dan seluruh Ahli Jawatankuasa yang bekerja keras sehingga majlis yang mulia ini dapat dijalankan. Saya berdoa semoga Musabaqah pada tahun ini akan meninggalkan kesan yang lebih bermakna kepada umat Islam, bukan sahaja di Melaka tetapi juga di seluruh negara.

17. Akhir kata, dengan nama Allah Yang Amat Pemurah lagi Amat Penyayang, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Musabaqah membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Yang Ke-26 ini dibuka dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah, wassallamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KUALA LUMPUR,
15hb Mei, 1984
14hb Syaaban, 1404 (dikeluarkan pada pukul 12.30t.hari)